

Kupasan dan Ulasan

Awas – Berjaga-jagalah Akan Penghinaan Terhadap Islam

Seorang penulis ruangan di dalam harian “Berita Harian” dengan nama pena ((Megat Nan Terawis)) pada 7 Ogos telah menulis suatu rencana di bawah tajuk ((Usaha Mengembangkan Islam)). Di dalam rencana yang ditulisnya ia nampaknya bercita-cita memberi suatu fikiran atau pendapat yang bertujuan mencari usaha atau ikhtiar bagaimana baiknya sesuatu tenaga digunakan di dalam hal perkembangan agama di tanah air tetapi malangnya rencana itu nampaknya adalah seperti tikus membaiki labu. Hal ini boleh jadi kerana penulis itu sebenarnya tidak cukup faham di dalam perkara-perkara yang mengenai agama Islam.

(Oleh: Edrus)

Di dalam rencana yang ditulisnya itu ia menyatakan:

1. Tengku Abdul Rahman, Perdana Menteri

Persekutuan Tanah Melayu telah pun diagung-agungkan kerana

peranan beliau menggalakkan pembacaan al-Qur’ān antara-

bangsa. “Peranan itu pesat sekali menghasilkan

kebukitian seperti berikut”:

a) Menggalakkan pelajaran membaca al-Qur’ān

b) Menakjubkan khalayak ramai tentang keazaman Tengku

dalam lapangan agama.

t) Khalayak ramai mulai khusyuk mendengar bacaan

al-Qur’ān yang paling tinggi mutunya itu

Setelah memberi khulasahnya ini, ia (Megat Nan

Terawis) memberi kesimpulan bahawa hal-hal yang tersebut

ini adalah menghampakan semata-mata – lalu memberi pendapatnya

dengan katanya:

1. Antara ribuan manusia yang mendengar bacaan Qur’an

itu berapa orangkah yang faham sepeatah pun

bahasa Arab itu.

2. Bacaan al-Qur’ān itu cuma dapat membangunkan

perasaan khayal sahaja.

Kemudian ia mengesyorkan supaya Tengku lebih

menggalakkan peraduan mengarang antarabangsa mengenai

rencana pengajaran al-Qur’ān yang berdasarkan ilmu falsafah.

Dengan itu katanya dapatlah kita mengembangkan lagi

pelajaran al-Qur’ān sedang keadaan kita “Janganlah lengang

berkhayal dengan berlagu dengan ayat-ayat dalam bahasa yang tidak

diketahui sahaja.”

Seterusnya katanya, “Janganlah kita ‘kalau

siapa hendak tahu lebih lagi terhadap agama, pergilah

cari alim ulama dan belilah buku-buku agama yang ada itu”

sedang katanya, kita (siapa? – P.) berkehendakkan

bahan yang tersiar yang tidak berapa panjang dan sukar

dibaca kerana tidak ada masa – “untuk menyelidiki naskhah-naskhah yang tebal dan yang telah usang cara susunannya dari segi pandangan masyarakat moden.”

Kalau diselidiki sekali imbas maka makalah ini adalah suatu makalah yang memberi anjuran yang baik tetapi kalau dibaca dengan saksama maka makalah ini adalah berisi racun yang bisa di dalam gula – dan makalah yang serupa inilah yang selalu tersiar di dalam akhbar-akhbar sedang makalah-makalah yang sebenarnya memberi pendapat atau fikiran yang sesuai dengan fikiran dan pendapat hukum agama yang beralasan Kitab Allah adalah ditahan dan tidak mau disiarkan. Kerana itulah pula saya, mulai daripada ini akan sentiasa memberi jawapan-jawapan dan keterangan-keterangan kepada rencana-rencana yang seperti ini supaya umat Islam, terutamanya angkatan mudanya yang kurang begitu faham tentang hukum-hukum Islam, tidak akan terkeliru atau boleh dikelirukan oleh suatu fikiran yang seperti ini.

Tengku Berjasa

Sebenarnya usaha Tengku dalam suatu bahagian menggalakkan bacaan al-Qur’ān itu patut disambut dan dipuji. Sebenarnya orang-orang Islam yang beriman, khusyuk mendengar bacaan yang tinggi mutunya sekalipun ia tidak mengerti walaupun sepatah pun bahasa al-Qur’ān (Arab) kerana:

1. Al-Qur’ān itu kalamullah; kalau seseorang mengerti dan faham yang dibacanya adalah lebih baik, tetapi kalau ia tidak mengerti dan tidak faham kalau ia membacanya adalah mendapat pahala, sebabnya kalimah-kalimah al-Qur’ān itu adalah *ta’abbudī* (peribadatan) iaitu barangsiapa membacanya berpahala, dan ia tidak boleh dibaca oleh orang yang berhadat



Tuan Zahar Qasimi dan Wahid Zafir (berumur 13 tahun), qari-qari dari Pakistan yang telah memperdengarkan bacaannya di Pertandingan Quran Antarabangsa di Kuala Lumpur pada tahun yang lalu.

besar.

2. Seseorang Islam yang tahukan tatatertib agamanya hendaklah khusyuk mendengar bacaan al-Qur’ān. Al-Sayyid Rashid Rida di dalam kitab *Tafsīr al-Manār* berkata:

“Adalah menjadi wajib atas tiap-tiap seseorang Mukmin terhadap bacaan al-Qur’ān, supaya ia bersungguh-sungguh mendengarnya ketika dibaca oleh orang lain sebagaimana ia bersungguh-sungguh untuk selalu membacanya, dan hendaklah berlaku sopan (menjaga tatatertib) dalam majlis bacaan al-Qur’ān.”

Dalam al-Qur’ān sūrat al-A’rāf ayat 204, Tuhan berfirman:

Wa idhā qurī’a al-Qur’ānu fa istami’ū lahū wa anṣitū la’allahum turhamūn.

Maksudnya: Apabila dibacakan al-Qur’ān dengarlah akan dia

dan perhatikanlah dengan tenang, mudah-mudahan kamu mendapat rahmat.

Kerana al-Qur'ān itu Kalamullah, seperti yang disebut tadi, maka apabila dibacakan, walaupun ia tidak mengerti maka hendaklah ia mendengar dan memerhatikannya dengan tenang dan tidak boleh berkata-kata. Setengah ulama berpendapat yang demikian ini wajib tetapi setengahnya berpendapat yang wajib itu hanya di dalam sembahyang – yakni tidak boleh seseorang berkata-kata dalam masa ayat dibacakan dalam sembahyang. Sedang ada pula pendapat lain, berkata-kata dalam masa orang membaca al-Qur'ān adalah makruh hukumnya.

3. Bacaan al-Qur'ān itu hendaklah dibaca dengan mengikut hukum bacaannya (*tartīl*). Tuhan berfirman:

Wa rattili al-Qur'āna tartīlā.

(4, al-Muzzammil)

Maksudnya: Dan bacalah al-Qur'ān itu dengan *tartīl* (dengan peraturan-peraturan bacaannya).

Untuk membaca al-Qur'ān ini berhajatlah kepada dipelajari hukum-hukumnya. Cara membaca al-Qur'ān itu sahaja ada tujuh kaedah membacanya (*qiraatnya*). Huruf-hurufnya yang 28 itu hendaklah dikeluarkan mengikut tempatnya (*makhrajnya*). Huruf-huruf itu pula dalam mengeluarkannya hendaklah dibahagikan pula kepada lima: (1) yang kuat, (2) sedang, (3) tengah, (4) lembut, dan (5) lembut sekali. Kemudian panjang pendeknya bacaan itu hendaklah diketahui – yang berdentung dengan tidak berdentung pula mestilah diketahui dan dipelajari – mempelajari ini bukannya boleh dibuat sehari dua bahkan bertahun-tahun. Jadi Qur'an itu tidak boleh dibaca sembarang kerana membaca sembarang itu berdosa hukumnya – dan siapa yang tidak menegur

bacaan yang salah, apabila ia mendengarnya, ia pun sama-sama berdosa. Hukum ini bukan daripada pendapat sendiri tetapi adalah hukum agama sebab al-Qur'ān itu Kalamullah – tidak boleh diubah satu huruf atau satu titik atau satu baris pun.

4. Qur'an itu tatkala membacanya hendaklah dilagukan alunan suara (melodi – irama) adalah mempengaruhi jiwa dan termasuk di antara perkara-perkara yang diutamakan oleh Islam. Irama adalah satu bahagian yang penting di dalam mempengaruhi jiwa manusia sebab itu bukannya sahaja di dalam agama Islam yang melagukan bacaan peribadatnya tetapi juga di dalam lain-lain agama. Orang-orang Kristian – dalam peribadatan mereka berlagu – orang-orang Hindu demikian juga, orang Yahudi demikian juga tetapi *wallāhu a'lam* orang Komunis harus tidak ada kerana ia tidak beragama tetapi berlagu juga untuk menarik dan menceburkan rakyat.

Sebab itu, kalau seorang imam bersembahyang dengan membaca ayat al-Qur'ān dengan baik bacaannya, bagus hurufnya, baik suaranya dan bagus lagunya – mengikut lagu yang biasa orang-orang membaca al-Qur'ān, maka makmum yang mengikut ia bersembahyang itu akan khusyuk dan terkadang-kadang tidak sedar akan dirinya kerana tawaduk mendengar ayat-ayat al-Qur'ān itu dibaca sekalipun ia tidak mengerti walau sepetah pun akan bunyinya.

Di dalam *Sahīḥ Bukhārī* meriwayatkan satu hadis daripada Abū Hurayrah yang mengatakan Nabi bersabda:

Laysa minnā man lam yataghanna bi al-Qur'ān.

Maksudnya: “Bukan daripada kami orang yang tidak melagukan bacaan al-Qur'ān.”

Di dalam suatu hadis lagi yang diriwayatkan oleh

Patut Digalakkan Lagi

Bukhārī dan Muslim daripada Abū Hurayrah juga disebut:

Berdasarkan ini maka usaha Tengku itu bukannya

“*Mā adhina (istama‘a aw sami‘a) Allahu li shay‘in mā adhina*

sahaja patut menerima pujian dan kesyukuran umat

li nabiyyin ḥasni al-ṣawti yataghanna bi al-Qur‘ān”

bahkan mustahak bersama-sama disokong dan digalakkan lagi

Maksudnya: “Allah Ta‘ālā tidak mendengar bagi

kerana usaha itu jika digalakkan dan ada kerjasama

sesuatu sebagaimana Ia mendengar bagi seseorang Nabi

yang rapat di antara umat Islam akan menimbulkan:

yang merdu suaranya yang melagukan bacaan al-Qur‘ān.”

1. Di sana sini akan tumbuh pertubuhan-pertubuhan yang

Ada beberapa banyak lagi keterangan-keterangan yang boleh

menggalakkan dan mengajar membaca al-Qur‘ān cukup dengan

ditunjukkan di sini yang menghendaki bacaan al-Qur‘ān itu

tartilnya sebab al-Qur‘ān tidak dapat dibaca melainkan

hendaklah dilagukan (dengan lagu-lagu yang tidak mengubah

dipelajari dan tidak suka orang mendengarnya melainkan

hukum bacaan al-Qur‘ān). Kerana itu adakah melagukan

ia mengerti akan hukum-hukum dan bacaannya. Kepada orang

al-Qur‘ān itu hanya menimbulkan khayal sahaja?

seperti inilah baharu mereka merasa akan nikmat al-Qur‘ān

Siri Sejarah Hidup Nabi Muḥammad

Ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam

Disusun oleh

Edrus

Buku ini disusun dipersesuaikan dengan sukatan pelajaran

sejarah Islam untuk pelajaran agama di sekolah kebangsaan

di Persekutuan Tanah Melayu. Berpenggal-penggal: 1. Hāshīm bin ‘Abd Manāf, 2. ‘Abd al-Muṭṭalib, Nenda Nabi, 3. ‘Abd Allāh

dan Āminah – Ayah Bonda Nabi, 4. Hari Diperanakan, 5. Halimah al-Sa‘diyyah, 6. Yatim Piatu, 7.

Berkahwin dengan Sītī Khadījah, 8. Menerima wahyu.

Buku ini mengandungi 24 buah. Sambungannya akan segera diterbitkan oleh Qalam Singapura. Harganya 30

sen senaskhah. Belanja mengirim 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura



itu.

2. Dengan adanya badan-badan atau kemahuan-kemahuan membaca al-Qur'ān di mana-mana itu akan menimbulkan pula di dalam kalangan pemuda-pemuda Islam kegemaran membaca dan asyik kepadanya lalu membawa kepada galakan membanyakkan mereka itu menghafaz al-Qur'ān.

3. Dengan adanya hafiz (yang hafaz al-Qur'ān) itu maka dapatlah kelak diadakan satu aliran mengadakan kolej atau universiti al-Qur'ān yang usahanya bukannya menghafaz tetapi mempelajari dan menyelami isi dan mutiara yang ada di dalam al-Qur'ān. (Di Indonesia usaha kepada jalan ini telah diadakan dan di Mekah qari-qari (orang-orang yang hafaz dan bagus bacaannya) mendapat gaji daripada kerajaan.

Jadi usaha Tengku menggalakkan bacaan al-Qur'ān antarabangsa adalah menjadi satu daya penarik yang akan membawa faedah yang besar di dalam perkara agama: dan tidaklah mendengarnya bacaan al-Qur'ān itu sebagai menimbulkan perasaan khayal semata. Bahkan perkataan yang mengatakan bacaan yang disebutnya... “berkhayal dengan berlagu dengan ayat-ayat dalam bahasa yang tidak diketahui adalah lengang” itu adalah suatu perkataan penghinaan kepada orang-orang yang mencintai al-Qur'ān dan tidak patut keluar daripada mulut seorang Islam dan disiarkan kepada am.

Lebih-lebih Menghinakan Lagi

Kemudian ia menghina pula dengan mengatakan bahawa pengajaran agama di tanah air kita ini “cuma mengkhayalkan pendengar-pendengarnya dengan bunyinya dan lagu yang yang tidak difaham oleh pendengarnya” – dan ulama-ulama pula dihinakan dengan bahawa janganlah seseorang berkata kalau hendak tahu lebih

terhadap agama pergilah cari alim ulama dan belilah buku-buku agama yang ada.

Perkataan bodoh seperti ini adalah perkataan orang yang jahil di dalam perkara agama. Sungguhpun alim ulama itu orang biasa tetapi mereka adalah mempelajari hukum-hukum itu. Patut kita berterima kasih di atas adanya kitab-kitab lama kerana daripada usaha-usaha alim ulama itulah dapat kitab-kitab seperti itu keluar. Kalau mengharap orang-orang modern seperti ((Megat Nan Terawis)) membuat kitab pelajaran agama – yang hanya nampaknya membaca di dalam kitab-kitab yang berbahasa Inggeris janganlah diharap akan ada kitab-kitab agama yang berfaedah.

Kalau orang-orang sepertinya tidak ada masa membaca dan menyelidik kitab-kitab yang panjang tetapi masih banyak orang yang beriman suka mendalami imlunya¹ dengan kitab-kitab yang panjang yang dikatakannya “berjela-jela” itu.

Buat masa ini, rasanya tidak payah buat kita mengadakan peraduan-peraduan mengarang di dalam kitab-kitab agama sebab kitab-kitab yang seperti itu telah banyak ada di dalam bahasa yang lain. Jangan kata tidak ada usaha buat mengadakan kitab-kitab yang berharga dan berfaedah kepada perkembangan agama di tanah air. Kalau diadakan kitab-kitab seperti yang dikehendaki oleh Megat Nan Terawis itu berapa orangkah pembacanya di tanah air kita ini?

Saya berani mencabar sesiapa pun dan berani berterus terang mengatakan bahawa kalau “pasaran kitab-kitab agama yang bersifat dan bersusun dengan cara modern” memadai dan boleh menghidupkan seseorang penerbit – saya bersedia menerbitkan segala terjemahan-terjemahan kitab-kitab agama di dalam apa-apa jenis pun dan saya sendiri

¹ Kesalahan ejaan teks asal. Yang dimaksudkan adalah ilmunya.

sedia menyusun kitab-kitab seperti itu tidak guna hanya mengatakan tidak ada kitab-kitab tetapi sendiri tidak mampu mengadakannya.

Kalau hanya bercakap dan membuat syor yang sulit hendak dijalankan lalu menidakkan jasa baik orang (seperti Tengku) di dalam usaha-usaha yang baik bahawa nampaklah bahawa orang yang seperti ini hanya mau bercakap dan hendak menunjukkan kepada am bahawa ia seorang yang cenderung kepada agama padahal, menurut pendapat saya, di dalam rencananya itu timbul perasaan benci kepada bahasa Arab. Seseorang yang tidak cukup faham berbahasa Arab tidaklah ia akan dapat cukup memahami ilmu agama terutamanya ajaran al-Qur'an sebab semuanya kitab-kitab agama yang tinggi, asalnya adalah di dalam bahasa Arab. Seseorang yang ada ilmu agama tetapi tidak cukup faham berbahasa Arab tidaklah boleh ia disebut ulama dan orang yang hanya tahu berbahasa Arab tetapi tidak berilmu dan berpengetahuan yang mendalam di dalam hukum-hukum agama tidak berhak disebut alim ulama.

Sebab itulah sangat menghairankan jika ada usul supaya bahasa Arab menjadi salah satu bahasa rasmi Persekutuan Tanah Melayu adalah dibantah oleh golongan-golongan yang mendakwa sebagai golongan modern seperti Megat Nan Terawis yang zahir membenci bahasa Arab itu.

Apakah dengan adanya perasaan-perasaan benci kepada bahasa Arab itu boleh diharap semangat agama di tanah air kita ini akan timbul?

Nampaknya, harus untuk menunjuk-nunjuk, ia hanya mau berkata tetapi tidak mau beramal. Sifat semacam

inilah disebut Tuhan (yang maksudnya): "Ia hanya berkata tetapi tidak beramal". Sudah banyak kita berkata-kata tetapi hampir-hampir tidak ada orang yang beramal untuk berjihad menegakkan agama di tanah air kita ini.

Apakah kita tidak malu kepada Tuhan bahawa kita hanya orang yang berkata tetapi tidak beramal dan mencela serta mencacat pula amal baik orang? Insaflah saudara.

Mengapa Selalu Dicela

Angkatan muda yang berkeadaan seperti Megat Nan Terawis selalu benar mencabar dan mengecil-ngecilkan jasa dan usaha alim ulama Islam. Segala kesalahan masyarakat – semuanya ditumpukan kepada mereka; mereka disalahkan. Mengapa! Apakah mereka tidak bekerja dan tidak berjasa? Apakah agama Islam itu

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh

QALAM

356/368, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

yang bertanggungjawab hanya alim ulama sahaja? Apakah agama

ini sesia sahaja.

Islam tidak menjadikan tiap-tiap orang, sekali

Alim ulama di Tanah Melayu telah berjasa besar di dalam

lagi tiap-tiap orang Mukmin itu menjadi mubaligh?

merebut kemerdekaan tanah air. Mereka berjasa di dalam

Siapakah yang dapat menafikan, sama ada di Malaya dan

menghidupkan semangat politik dan perjuangan

di Indonesia bahawa alim ulama Islam itulah yang besar

di tanah air tetapi jasa mereka tidak disebut –

jasanya merebut kemerdekaan tanah air di dalam mana masa itu

didiam-diamkan sahaja bahkan dijadikan landasan diserang

mereka-mereka yang berpelajaran Barat masih banyak jadi penjilat

untuk dihina-hinakan!

penjajahan! Cuba perhatikan dengan saksama!

Apakah cara ini tidak menjadi alat penjajah

Kalau Megat Nan Terawis serta golongannya ada

berwang merah atau musuh-musuh Islam supaya orang-orang Islam

cita-cita untuk membaiki masyarakat Islam dan ada

jadi hina? Pembaca-pembaca sendiri boleh memerhatikannya.

cita-cita mau bekerja membuat kitab-kitab agama – buat, jangan

(Di dalam keluaran yang akan datang akan ada ulasan

banyak bercakap! Jangan mengata orang kenapa buat

lagi mengenai tulisan-tulisan yang menghina umat Islam oleh

begini dan begitu tetapi sendiri tidak beramal –

Edrus – *in shā'a Allāh* – P.).

Baginda 'Alī Harimau Allah

Sebuah buku riwayat hidup Sayidina 'Alī bin Abī Ṭālib,

karrama Allāhu wajhah, buah kalam pujangga Arab yang terkenal, Abbas Mahmoud

al-Aqqad.

Sayidina 'Alī bukan sahaja seorang pahlawan Islam yang terbilang

gagah beraninya tetapi juga seorang yang arif bijaksana dan luas

ilmunya sehingga telah digambarkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*

dalam sebuah hadisnya (riwayat al-Tirmidhī) yang bermaksud:

“Aku ialah gedung ilmu pengetahuan dan 'Alī ialah pintunya”!


Bacalah riwayat hidupnya yang semerbak harum dan menyegarkan

serta menghidupkan semangat keislaman.

Dua penggal tamat. Harga sepenggal \$1.20 sahaja, belanja

mengirimnya 10 sen.

(Terjemahan: Abdullah Basmeh)



Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura.